



Bil : 2/24- (2)

23 Februari 2024

SIARAN AKHBAR

HEBAHAN SAMBUTAN HARI TENTERA DARAT KE-91

1. Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Tentera Darat Malaysia (TDM) akan menganjurkan program bersama rakyat sempena sambutan Hari Tentera Darat Ke-91 (HTD Ke-91) pada 29 Februari dan 1 Mac 2024 di Dataran Segamat, Johor.

2. Bertemakan “Gagasan Tentera Darat dan Rakyat, Kekal Siaga” sambutan HTD Ke-91 pada tahun ini akan menampilkan pelbagai pengisian menarik khusus kepada masyarakat awam di kawasan Segamat, Johor. Ianya termasuklah:
 - a. **29 Februari – 1 Mac 2024** - Pameran Kerjaya dan Aset TD, Karnival Jualan (Tapak Pasar Tani), Pemeriksaan Kesihatan Percuma (Dewan Jubli Intan), dan Persembahan Buskers (bersebelahan Dewan Jubli Intan).

 - b. **29 Februari 2024 (malam)** – Program Forum Perdana di Masjid Bandar Segamat.

 - c. **1 Mac 2024** – Perbarisan HTD Ke-91 (Dataran Segamat), Program Bacaan Yasin, Tahlil dan Khutbah Solat Jumaat (Masjid Bandar Segamat), Program Bersama Veteran (Dewan Raya Buloh Kasap), Program Jiwa Murni (Masjid Kg. Kuala Paya dan SK Kuala Paya), Aktiviti Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera TD (BAKAT TD), Pameran Kerjaya dan Aset TD, Karnival Jualan (Tapak Pasar Tani), dan Pemeriksaan Kesihatan Percuma (Dewan Jubli Intan).

 - d. **1 Mac 2024 (malam)** - Persembahan TATU TD dan Pertunjukan Bunga Api (Dataran Segamat).

3. Orang ramai dijemput hadir untuk merasai pengalaman baharu bersama Tentera Darat Malaysia serta menyemarakkan lagi semangat cintakan tanah air dengan menyertai pelbagai program menarik dan bermanfaat yang dibawakan khas kepada masyarakat umum. Untuk maklumat lanjut boleh melayari Portal Rasmi Tentera Darat Malaysia <https://army.mil.my> dan Facebook Rasmi Tentera Darat Malaysia.

-TAMAT -

Dikeluarkan oleh Sel Perhubungan Raya Tentera Darat
Pada 23 Feb 24 jam 9.45 pagi.